

Malaysia Geospatial Data Infrastructure

MyGDI NEWSLETTER

www.mygeoportal.gov.my

facebook.com/mygeoportal



Pusat Infrastruktur Data
Geospasial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli
dan Alam Sekitar

Edisi No.1
2018

HALAMAN 1

SIMPOSIUM MAKLUMAT
GEOSPATIAL KEBANGSAAN
(NGIS) KINI KEMBALI BUAT
KALI KE-8!

HALAMAN 2

LAWATAN UNIVERSITI
DIPONEGORO, INDONESIA

HALAMAN 3

PAMERAN SEMPENA
PROGRAM OUTREACH
STRATEGI LAUTAN BIRU
KEBANGSAAN (NBOS)
JABATAN PERKHIDMATAN
AWAM (JPA) 2018

HALAMAN 4

PAMERAN SEMPENA
PROGRAM UKUR BERSAMA
RAKYAT (UBeR)

SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN (NGIS) KINI KEMBALI BUAT KALI KE-8!



Simposium yang terunggul bagi industri geospasial di negara ini iaitu Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan (NGIS) kini kembali lagi pada tahun ini buat kali yang ke-8.

NGIS merupakan program dwi tahunan anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI). Penganjurannya adalah bertujuan bagi mewujudkan satu wadah perkongsian melibatkan komuniti geospasial di kalangan sektor kerajaan dan swasta di Malaysia. Simposium ini juga merupakan salah satu usaha NRE ke arah memartabatkan penggunaan dan perkongsian maklumat serta teknologi geospasial dalam membuat sesuatu keputusan dan perancangan pembangunan negara.

Tema "**Geospatial: Malaysia Ke Arah 2050**" telah di pilih sebagai tema penganjuran NGIS Ke-8 pada tahun ini sebagai menyahut agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang merupakan satu usaha untuk membentuk masa depan Malaysia bagi tempoh 2020 hingga 2050. TN50 telah menyasarkan Malaysia dari sebuah negara maju, menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi. Seajar dengan itu, NRE melalui MaCGDI telah sepakat untuk memperkasa geospasial sebagai platform pembangunan negara menuju tahun 2050. NGIS Ke-8 bakal diadakan pada **10 dan 11 Julai 2018** bertempat di **Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)** dan dijangka akan dirasmikan oleh YB Menteri NRE. NGIS Ke-8 pada tahun ini memuatkan pelbagai aktiviti menarik seperti Pembentangan Kertas Kerja, Pameran Teknologi Geospasial, Penyampaian Anugerah Geospasial Kebangsaan (AGK) 2018, Pelancaran Aplikasi/Produk Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI), Pertandingan Video Multimedia Institusi Pendidikan Tinggi, Pertandingan Melukis Poster Sekolah Menengah (Kategori Menengah Rendah) serta Klinik-klinik Aplikasi MyGDI.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai NGIS Ke-8, sila layari <http://ngis.mygeoportal.gov.my/>.

LAWATAN UNIVERSTI DIPONEGORO, INDONESIA



PUTRAJAYA, 6 Februari – MaCGDI, NRE telah menerima kunjungan daripada tiga (3) orang Pensyarah dan 93 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Geodesi, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Diponegoro, Indonesia. Lawatan akademik ini telah diketuai oleh Encik Ir. Sawitri Subiyanto selaku Ketua Jabatan tersebut.

Para pelajar yang menyertai lawatan akademik ini telah mempelajari subjek asas Sistem Maklumat Geografi (GIS) pada semester yang lalu dan kini sedang meneruskan pembelajaran GIS lanjutan pada semester ini. Oleh itu, lawatan akademik ini menjadi salah satu perancangan Universiti tersebut untuk memberi pendedahan yang lebih luas kepada para pelajar berkaitan pengurusan infrastruktur data geospasial bagi sesebuah negara.

Pasukan MaCGDI yang diterajui oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh selaku Pengarah, telah menyantuni delegasi lawatan dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana sudi memilih MaCGDI sebagai salah satu destinasi lawatan antarabangsa mereka. Timbalan-timbalan Pengarah dan pegawai-pegawai MaCGDI turut hadir memeriahkan sesi lawatan akademik ini.



Pada lawatan akademik ini, MaCGDI telah membentangkan mengenai pengenalan MaCGDI dan Program MyGDI serta dua (2) aplikasi utama MyGDI iaitu 1Malaysia Map dan MyGOS. Para pelajar di lawatan akademik ini telah menunjukkan minat yang mendalam kepada aplikasi-aplikasi yang dibentangkan dan turut berkongsi pengalaman pembelajaran teknologi geospasial sedia ada di negara mereka.

Pihak MaCGDI berharap agar lawatan akademik ini dapat dimanfaatkan oleh para pelajar untuk mempelajari ilmu dan pengalaman baru mengenai bidang tugas penyelaras data geospasial di negara Malaysia.

Universiti Diponegoro turut mengadakan lawatan ke PETRONAS dan Universiti Putra Malaysia pada sesi lawatannya ke negara ini.

PAMERAN SEMPERNA PROGRAM OUTREACH STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS) JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) 2018



KUANTAN, 8-9 Mac - MaCGDI, NRE telah menyertai pameran sempena Program Outreach Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2018 anjuran JPA bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC), Kuantan, Pahang.

Program ini telah dihadiri oleh lebih dari 1,000 orang peserta yang terdiri daripada penjawat dan pesara sektor awam dari Zon Timur iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Zainal Rahim bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Salah satu acara menarik yang terdapat pada program ini adalah Majlis Pelancaran Aplikasi 1Pesara *FindMe* yang telah dibangunkan dengan kerjasama pihak MaCGDI dengan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP). Melalui aplikasi ini, seramai 800,000 orang pesara sektor awam kini boleh dihubungi dalam mendapatkan maklum balas mengenai kehidupan mereka selepas tamat perkhidmatan.



Aplikasi ini boleh diakses menggunakan telefon pintar dan mengandungi maklumat seperti nombor telefon, alamat dan lokasi pesara bagi memudahkan kerajaan untuk menghubungi pesara dengan pantas jika mereka diminta menyertai pelbagai program yang dianjurkan kerajaan.

Pihak MaCGDI yang telah diketuai oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh selaku Pengarah sangat berbesar hati dan bertuah kerana dapat menyertai pameran ini dan berterima kasih kepada JPA kerana turut sama menyokong dalam mempromosikan pembangunan Program MyGDI.

Selain MaCGDI, ruang pameran pada program ini turut disertai oleh pameran lain bagi mempromosikan inisiatif-inisiatif NBOS JPA, perkhidmatan KWAP serta agensi strategik yang berkaitan sepanjang dua (2) hari program berlangsung.

PAMERAN SEMPENA PROGRAM UKUR BERSAMA RAKYAT (UBeR)



TANGKAK, 16 Mac - MaCGDI telah menyertai pameran sempena Program Ukur Bersama Rakyat (UBeR) anjuran Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Selain MaCGDI, program UBeR ini turut disertai oleh Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) sebagai agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Program UBeR yang julung-julung kalinya diadakan di Tangkak, Johor bertujuan untuk memperkenalkan JUPEM, INSTUN dan MaCGDI kepada masyarakat di daerah ini tentang aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh agensi-agensinya ini.



YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE, merangkap Ahli Parlimen Ledang telah hadir bagi merasmikan program ini. Pelbagai aktiviti telah diadakan di *booth* pameran MaCGDI untuk menarik para pengunjung yang hadir. Antara pengisiannya seperti penerangan berkaitan fungsi MaCGDI dan program MyGDI, demonstrasi aplikasi *story map* kawasan-kawasan menarik di Ledang, permainan *mix & match* peta dan teka silang kata geografi. Pameran MaCGDI di program ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pengunjung. Di samping itu, MaCGDI juga berpeluang untuk mempromosikan nama MaCGDI terutamanya kepada warga pendidik, pelajar dan masyarakat umum yang hadir.

Pada waktu yang sama, antara aktiviti lain yang dijalankan di program ini termasuklah Kayuhan Jejak Alam, Demonstrasi Penentuan Arah Kiblat, Pertunjukan Dron dan Pengukuran Hakmilik Tanah, Pertandingan Mewarna Peta bagi kanak-kanak sekolah, Menjejaki Tarikh Lahir Hijrah, Penyerahan Peta-peta Sempadan serta Menjejaki Langit Malam.

Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62574 PUTRAJAYA.

TEL.: 03 - 8886 1156

FAKS: 03 - 8889 4851

LAMAN WEB: www.mygeoportal.gov.my



Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar